



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 49
No. 17

18hb Ogos 2005

*TAMBAHAN No. 76
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 302.

AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

KAEDAH-KAEDAH RACUN MAKHLUK PEROSAK (PENDAFTARAN) 2005

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 57(1)(a) Akta Racun Makhluk Perosak 1974 [*Akta 149*], Menteri, selepas berunding dengan Lembaga, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Racun Makhluk Perosak (Pendaftaran) 2005**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 18 Ogos 2005.

Permohonan pendaftaran

2. (1) Suatu permohonan untuk pendaftaran atau pendaftaran semula sesuatu racun makhluk perosak hendaklah dibuat kepada Lembaga dalam Borang A dalam Jadual.

(2) Permohonan yang berasingan hendaklah dibuat bagi racun makhluk perosak yang berlainan.

(3) Pertubuhan perbadanan yang mengemukakan sesuatu permohonan kepada Lembaga untuk pendaftaran atau pendaftaran semula sesuatu racun makhluk perosak hendaklah sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*].

Bayaran permohonan

3. (1) Bayaran bagi permohonan untuk pendaftaran atau pendaftaran semula sesuatu racun makhluk perosak di bawah kaedah 2 ialah tiga ribu ringgit dan kena dibayar semasa permohonan dibuat.

(2) Bayaran permohonan yang dibayar menurut subkaedah (1) tidak boleh dikembalikan.

Bayaran pendaftaran

4. Bayaran bagi pendaftaran atau pendaftaran semula sesuatu racun makhluk perosak ialah tujuh ribu ringgit dan kena dibayar sebelum perakuan pendaftaran dikeluarkan.

Perakuan pendaftaran

5. Perakuan pendaftaran atau pendaftaran semula sesuatu racun makhluk perosak hendaklah masing-masing dalam Borang B atau C dalam Jadual.

Pembatalan

6. Kaedah-Kaedah Racun Makhluk Perosak (Pendaftaran) 1976 [*P.U. (A) 308/1976*] dibatalkan.

Peruntukan kecualian

7. (1) Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini, “tarikh yang ditetapkan” ertinya tarikh yang disebut di bawah subkaedah 1(2).

(2) Tertakluk kepada subkaedah (3), sesuatu permohonan untuk mendapatkan perakuan pendaftaran atau pendaftaran semula yang dibuat sebelum tarikh yang ditetapkan tetapi belum ditentukan oleh Lembaga sebelum tarikh yang ditetapkan hendaklah, selepas tarikh yang ditetapkan, didaftarkan oleh Lembaga mengikut peruntukan Kaedah-Kaedah ini dan dikecualikan daripada bayaran permohonan.

(3) Bayaran yang ditetapkan bagi mendapatkan sesuatu perakuan pendaftaran atau pendaftaran semula yang pendaftaran atau pendaftaran semula itu telah dibuat di bawah Kaedah-Kaedah Racun Makhluk Perosak (Pendaftaran) 1976 sebelum tarikh yang ditetapkan tetapi belum didaftarkan oleh Lembaga sebelum tarikh yang ditetapkan hendaklah, selepas tarikh yang ditetapkan, terus terpakai seolah-olah Kaedah-Kaedah Racun Makhluk Perosak (Pendaftaran) 1976 tidak dibatalkan oleh Kaedah-Kaedah ini.

(4) Kaedah-Kaedah ini tidak menyentuh mana-mana perakuan pendaftaran atau pendaftaran semula yang telah dikeluarkan di bawah Kaedah-Kaedah Racun Makhluk Perosak (Pendaftaran) 1976.

JADUAL

AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

KAEDAH-KAEDAH RACUN MAKHLUK PEROSAK (PENDAFTARAN) 2005

Borang A*(Subkaedah 2(1))*PERMOHONAN UNTUK PENDAFTARAN/PENDAFTARAN SEMULA RACUN
MAKHLUK PEROSAK

(Diisi dalam lapan salinan)

BAHAGIAN A: BUTIR-BUTIR MENGENAI PEMOHON

1. Nama syarikat:
-
2. Alamat syarikat:
-
-
3. Alamat surat menyurat syarikat:
-
-
4. Nombor telefon: 5. Nombor faks:
6. Alamat E-mel :
7. Nama wakil yang dibenarkan :
-

BAHAGIAN B: BUTIR-BUTIR MENGENAI KELUARAN RACUN MAKHLUK PEROSAK

8. Nama dagangan:
9. Nombor pendaftaran (untuk pendaftaran semula):
10. Nyatakan kategori racun makhluk perosak (tandakan salah satu kotak yang berikut)

<input type="checkbox"/> Pertanian	<input type="checkbox"/> Isi rumah	<input type="checkbox"/> Kesihatan Awam	<input type="checkbox"/> Perindustrian
<input type="checkbox"/> Veterinar	<input type="checkbox"/> Perkilangan	<input type="checkbox"/> Lain-lain (nyatakan):	

11. Tujuan penggunaan (tandakan satu atau lebih kotak yang berikut)

- Racun rumpai Racun serangga Racun kulat Racun hamama Racun nematod
- Racun tikus Racun siput Racun bakteria Fumigan Fumigan tanah
- Racun kutu/
pinjal Pengawet Penghalau Racun anai-anai
- Bahan Teknikal Untuk Tujuan Perkilangan Sahaja
- Lain-lain (nyatakan):

BAHAGIAN C: BUTIR-BUTIR MENGENAI AKTIVITI PERNIAGAAN
--

12. Nyatakan aktiviti utama perniagaan (tandakan satu atau lebih kotak yang berikut)

- Mengimport Mengilang
- Lain-lain (nyatakan):

13. Jika aktiviti adalah mengilang, nyatakan aktiviti yang ingin dijalankan (tandakan satu atau lebih kotak yang berikut)

- Merumus Mencampur Melabel/Melabel semula
- Mempek/Mempek semula Menyedia Mensebati
- Membuat Lain-lain (nyatakan):

14. Nyatakan kandungan bersih semua bungkusan keluaran yang diimport/dikilang (dalam unit metrik)

.....

.....

15. Nyatakan alamat-alamat perniagaan:

- (a)
-
- (b)
-
- (c)
-
- (d)
-

16. Nyatakan nama dan alamat kilang, bangunan atau premis di mana racun makhluk perosak ini akan dikilangkan (terpakai bagi pengilang sahaja):

(a)

.....

(b)

.....

(c)

.....

(d)

.....

17. Jika aktiviti perkilangan diserahkan kepada pihak lain, nyatakan nama dan alamat perniagaan dan kilang semua pengilang kontrak terlibat (terpakai bagi aktiviti perkilangan kontrak sahaja):

(a)

.....

(b)

.....

(c)

.....

(d)

.....

18. Nyatakan nama dan alamat bangunan, premis atau tempat di mana racun makhluk perosak ini akan disimpan:

(a)

.....

(b)

.....

(c)

.....

(d)

.....

BAHAGIAN D: BUTIR-BUTIR PERAWIS AKTIF, PERAWIS LENGAI, PERATUSAN KANDUNGAN DAN PERUMUSAN

19. Nama biasa (perawis aktif):

.....

.....

20. Nama kod (perawis aktif):

.....

.....

21. Sinonim (perawis aktif):

.....

.....

22. Jenis perumusan (tandaikan satu kotak yang menerangkan jenis perumusan)

- | | | |
|--|---|--|
| <input type="checkbox"/> Bahan Teknikal Pepejal (TC) | <input type="checkbox"/> Bahan Teknikal Separa Pepejal (TC) | <input type="checkbox"/> Bahan Teknikal Cecair (TC) |
| <input type="checkbox"/> Pekatan Teknikal Pepejal (TK) | <input type="checkbox"/> Pekatan Teknikal Separa Pepejal (TK) | <input type="checkbox"/> Pekatan Teknikal Cecair (TK) |
| <input type="checkbox"/> Serbuk Bancuh (WP) | <input type="checkbox"/> Serbuk Bancuh (SP) | <input type="checkbox"/> Butir Terserak Air (WG) |
| <input type="checkbox"/> Butir Larut Air (SG) | <input type="checkbox"/> Butir (GR) | <input type="checkbox"/> Butir Terkapsul (CG) |
| <input type="checkbox"/> Pekatan Larut Air (SL) | <input type="checkbox"/> Cecair Larut Minyak (OL) | <input type="checkbox"/> Cecair Isipadu Ultrarendah (UL) |
| <input type="checkbox"/> Pekatan Teremulsi (EC) | <input type="checkbox"/> Mikro-emulsi (ME) | <input type="checkbox"/> Emulsi, Minyak Dalam Air (EW) |
| <input type="checkbox"/> Emulsi, Air Dalam Minyak (EO) | <input type="checkbox"/> Pekatan Ampaian (SC) | <input type="checkbox"/> Pekatan Ampaian (OD) |
| <input type="checkbox"/> Ampaian Kapsul (CS) | <input type="checkbox"/> Pekatan Terserak Air (DC) | <input type="checkbox"/> Ampaian-emulsi (SE) |
| <input type="checkbox"/> Lingkaran Nyamuk (MC) | <input type="checkbox"/> Kepingan Meruap (MV) | <input type="checkbox"/> Aerosol (AE) |
| <input type="checkbox"/> Cecair Meruap (LV) | <input type="checkbox"/> Serbuk Sentuh (CP) | <input type="checkbox"/> Tin Asap (FD) |
| <input type="checkbox"/> Gas (GA) | <input type="checkbox"/> Perekat (PA) | <input type="checkbox"/> Cecair Titis (SA) |
| <input type="checkbox"/> Cecair Curah (PO) | <input type="checkbox"/> Umpan (RB) | <input type="checkbox"/> Umpan Berbutir (GB) |
| <input type="checkbox"/> Umpan Berbungkah (BB) | <input type="checkbox"/> Pekatan Umpan (CB) | <input type="checkbox"/> Gris (GS) |
| <input type="checkbox"/> Pekatan Pengabutan Panas (HN) | <input type="checkbox"/> Debu (DP) | <input type="checkbox"/> Tablet (DT) |
| <input type="checkbox"/> Cecair (AL) | <input type="checkbox"/> Serbuk (AP) | <input type="checkbox"/> Krim |
| <input type="checkbox"/> Syampu | <input type="checkbox"/> Kapur Tulis | <input type="checkbox"/> Ceper |
| <input type="checkbox"/> Until | <input type="checkbox"/> Relang Leher | <input type="checkbox"/> Umpan Lipas Pepejal |
| <input type="checkbox"/> Gel | <input type="checkbox"/> Uncang Butir | <input type="checkbox"/> Umpan Anai-anai |
| <input type="checkbox"/> Kelambu | <input type="checkbox"/> Lain-lain (nyatakan): | |

23. Untuk tiap-tiap jujuk dalam perumusan, berikan maklumat yang berikut dalam jadual yang disediakan:

(a) Perawis aktif (nama biasa)	Nombor Khidmat Abstrak Kimia (CAS), jika ada	Tujuan di dalam perumusan	Peratusan sumber keluaran di dalam perumusan (% b/b atau g/l)	Peratusan berat perawis aktif di dalam perumusan (% b/b)
(b) Perawis lengai (nama biasa)	Nombor Khidmat Abstrak Kimia (CAS), jika ada	Tujuan di dalam perumusan	Peratusan sumber keluaran di dalam perumusan (% b/b atau g/l), jika terpakai	Peratusan berat perawis lengai di dalam perumusan (% b/b)
JUMLAH (% b/b)				

24. Sumber bagi racun makhluk perosak ini diperoleh daripada pengilang-pengilang berikut:

(a) Nama :

Alamat :

.....

(b) Nama :

Alamat :

.....

(c) Nama :

Alamat :

.....

BAHAGIAN E : BUTIR-BUTIR MENGENAI KEPERLUAN DATA

25. Data dan maklumat teknikal mengenai produk racun makhluk perosak (perawis aktif teknikal atau/dan perumusan) untuk menyokong permohonan ini diberikan mengikut turutan dan sistem penomboran sebagaimana lampiran:

Bab 1: Identiti, Sifat-sifat Fizik dan Kimia

Bahagian A: Kehendak Tentang Perawis Aktif Teknikal

- 1.1 Identiti.
[Nama biasa, nama kimia (IUPAC), nombor pendaftaran CAS, formula struktur, formula empirikal dan berat molekul].
- 1.2 Sifat-sifat fizik dan kimia.
[Rupa (keadaan fizikal, warna dan bau), takat lebur/mengurai /didih, tekanan wap (pada suhu yang dinyatakan), kelarutan dalam air dan pelarut organik (pada suhu yang dinyatakan), koefisien pembahagian antara air dengan pelarut organik yang sesuai, ketumpatan (untuk cecair), kadar hidrolisis (dalam keadaan yang dinyatakan), fotolisis (dalam keadaan yang dinyatakan), spektrum penyerapan (contohnya UV, IR, MS atau NMR)].
- 1.3 Proses pengilangan (termasuk bahan mentah yang digunakan dan bahan sampingan dan bendasing yang terdapat di dalam produk).
- 1.4 Identiti dan jumlah isomer, bendasing dan bahan sampingan lain dengan maklumat mengenai julat kemungkinan.
- 1.5 Data tentang cerakinan untuk 5 kelompok termasuk profil bendasing dan kromatogram.
- 1.6 Risalah Data Keselamatan Bahan (MSDS).

Bahagian B: Kehendak Tentang Perumusan (jika berkaitan)

- 1.7 Sifat-sifat fizik dan kimia.
[Rupa (keadaan fizikal, warna dan bau, ketumpatan (untuk cecair), ketumpatan pukal, keasidan/kealkalian (jika berkaitan), kemudahbakaran, takat sambar (untuk cecair), kelikatan (untuk cecair)].
- 1.8 Spesifikasi keluaran (nyatakan sama ada ia memenuhi mana-mana spesifikasi contohnya Standard Malaysia, Spesifikasi FAO/WHO atau lain-lain).
- 1.9 Proses pengilangan dan kawalan mutu.
- 1.10 Ujian kestabilan simpanan (*FAO Accelerated Storage Test Procedures* boleh digunakan).
- 1.11 Risalah Data Keselamatan Bahan (MSDS).
- 1.12 Sifat-sifat spesifik bergantung kepada jenis perumusan (contohnya kebolehbancuhan, pembuihan kekal, keampaian, ujian tapisan basah, ujian tapisan kering, kestabilan emulsi, kekakisan).
- 1.13 Keserasian yang diketahui dengan racun makhluk perosak yang lain.
- 1.14 Pembungkusan (termasuk bahan pembungkusan dan kepatuhan kepada mana-mana standard atau spesifikasi).
- 1.15 Data tentang cerakinan perawis aktif untuk 5 kelompok termasuk kromatogram (jika terpakai).

Bab 2: Kaedah Cerakinan

- 2.1 Kaedah cerakinan yang disahkan untuk penentuan perawis aktif dalam bahan teknikal.
- 2.2 Kaedah cerakinan yang disahkan untuk penentuan kandungan perawis aktif di dalam perumusan.
- 2.3 Kaedah cerakinan yang disahkan untuk penentuan kandungan bendasing di dalam bahan teknikal dan perumusan.
- 2.4 Kaedah cerakinan yang disahkan untuk penentuan residu perawis aktif dan kesemua metabolit yang penting di dalam semua matriks tanaman yang berkaitan.
- 2.5 Kaedah cerakinan yang disahkan untuk penentuan residu perawis aktif dan kesemua metabolit yang penting di dalam media alam sekitar.

Bab 3: Impak Terhadap Manusia dan Binatang (Data Toksikologi Mamalia)

Bahagian A: Keperluan Bagi Perawis Aktif Teknikal

- 3.1 Data toksikologi akut.
 - 3.1.1 Kajian toksisiti akut melalui mulut (pada tikus).
 - 3.1.2 Kajian toksisiti akut melalui kulit (pada tikus).
 - 3.1.3 Kajian toksisiti akut melalui penghiduan (pada tikus).
 - 3.1.4 Kajian iritasi kulit (pada arnab).
 - 3.1.5 Kajian iritasi mata (pada arnab).
 - 3.1.6 Kajian *sensitisation* pada kulit (pada marmut).
 - 3.1.7 Toksisiti neuro tertangguh akut pada ayam betina (untuk organofosfat dan karbamat).
- 3.2 Data toksikologi sub-akut.
 - 3.2.1 Toksisiti melalui kulit pendedahan dos berulang untuk 21 atau 28 hari (pada tikus).
 - 3.2.2 Toksisiti neuro tertangguh pendedahan berulang melalui mulut untuk 28 hari pada ayam betina (untuk organofosfat dan karbamat, jika menunjukkan tanda-tanda toksisiti neuro tertangguh akut).
 - 3.2.3 Kajian *dietary feeding* sub-akut 90 hari (pada tikus).
- 3.3 Data toksikologi kronik.
 - 3.3.1 Kajian *dietary feeding* kronik (24 bulan bagi tikus, 18 bulan bagi mencit dan 1 tahun bagi anjing).
 - 3.3.2 Kajian onkologi (tidak kurang dari 24 bulan pada tikus dan 18 bulan pada mencit.
Kajian ini boleh digabungkan dengan kajian pemakanan kronik, jika sesuai).
- 3.4 Kajian-kajian toksikologi tambahan.
 - 3.4.1 Kajian teratogenik (2 spesies, satu rodent dan satu bukan rodent).
 - 3.4.2 Kajian pembiakan (2 generasi rodent dan semua anak kelahiran dari satu tempoh bunting).
 - 3.4.3 Kajian kemutagenan (sekurang-kurangnya 3 ujian serentak untuk mengesan mutasi gen, kerosakan kromosom dan kesan-kesan genotoksik).
 - 3.4.4 Kajian metabolisme (sekurang-kurangnya satu spesies).
- 3.5 Data toksikologi ke atas manusia (seperti data pendedahan perindustrian, data kemalangan dan data sukarelawan).
- 3.6 Maklumat toksikologi untuk tiap-tiap perawis, sinergis dan bendasing yang penting dan utama di dalam racun makhluk perosak.

Bahagian B: Kehendak Bagi Perumusan (jika terpakai)

- 3.7 Kajian toksisiti akut melalui mulut ke atas tikus.
- 3.8 Kajian toksisiti akut melalui kulit ke atas tikus.
- 3.9 Kajian iritasi kulit ke atas arnab.
- 3.10 Kajian iritasi mata ke atas arnab.
- 3.11 Kajian *sensitisation* kulit pada marmut.
- 3.12 Kajian toksisiti akut melalui penghiduan ke atas tikus (jika berkenaan).

Bab 4: Residu

- 4.1 Takrif residu yang berkaitan dengan Kadar Maksimum Residu (MRL).
- 4.2 Laporan terperinci kajian residu yang diselia ke atas tanaman yang disyor berdasarkan kepada protokol yang diterima (contohnya *FAO Manual on the Submission and Evaluation of Pesticide Residue Data for the Estimation of Maximum Residue Limits in Food and Feed, FAO, UN 2002*). Kajian yang dijalankan di bawah keadaan iklim yang sama boleh juga dikemukakan.
- 4.3 Maklumat mengenai metabolisme atau penguraian perawis aktif dalam tanaman atau tumbuhan.
- 4.4 Cadangan Lat Tempoh Sebelum Menuai (PHI) atau Lat Tempoh Sebelum Menyembelih (PSI).
- 4.5 Cadangan Kadar Maksimum Residu (MRLs) yang dikira berdasarkan kepada penilaian *Dietary Risk* racun makhluk perosak.
- 4.6 Kadar Maksimum Residu (MRLs) dari negara-negara lain yang mendaftarkan racun makhluk perosak ini.
- 4.7 Pengambilan Harian Yang Boleh Diterima (ADI) racun makhluk perosak dalam mg/kg berat badan.

Bab 5: Takdir dan Kelakuan Di Dalam Alam Sekitar

- 5.1 Takrif residu yang berkaitan dengan alam sekitar.
- 5.2 Kajian penguraian dan pelepasan (hidrolisis, fotolisis dalam air dan tanah).
- 5.3 Kajian metabolisme (dalam air dan tanah untuk kedua-dua keadaan aerobik dan anaerobik).
- 5.4 Kajian mobiliti (larut lesap, kajian penyerapan atau kebolehan nyahserapan, kebolehan meruap di dalam makmal dan di persekitaran alam).
- 5.5 Takdir dan kelakuan di udara.
- 5.6 Kajian bioakumulasi pada ikan.

Bab 6: Kesan-kesan Terhadap Spesies Bukan Sasar

- 6.1 Kesan ke atas vertebrat darat (termasuk kajian toksisiti akut melalui mulut ke atas spesies burung contohnya merpati, puyuh, kuang bayas atau itik).
- 6.2 Kesan ke atas spesies akuatik.
 - 6.2.1 Akut LC₅₀, pendedahan 96 jam ke atas satu spesies ikan yang sesuai.
 - 6.2.2 Akut LC₅₀, pendedahan 48 jam ke atas satu spesies ikan yang sesuai, contohnya daphnia.
- 6.3 Kesan ke atas lebah dan spesies artropod lain (termasuk toksisiti LD₅₀ akut melalui mulut dan kajian toksisiti sentuhan ke atas lebah madu).

- 6.4 Kesan ke atas cacing tanah dan organisma mikro tanah lain (termasuk toksisiti akut ke atas cacing tanah).
- 6.5 Kesan ke atas organisma bukan sasar yang lain (flora dan fauna).

Bab 7: Maklumat Dan Data Kemujaraban

- 7.1 Kajian kemujaraban tempatan ke atas tanaman yang disyor berdasarkan kepada protokol yang telah diterima (contohnya *FAO Harmonized Bio-efficacy Protocols*). Kajian yang dijalankan di bawah keadaan cuaca dan pengaruh amalan yang sama boleh digunakan untuk tanaman bukan utama.
- 7.2 Penilaian fitotoksik pada tanaman berasaskan kepada protokol yang telah diterima (contohnya 'FAO Guidelines for Phytotoxicity Assessment').
- 7.3 Kesan ke atas musuh semula jadi.
- 7.4 Maklumat mengenai potensi kejadian kerintangan.
- 7.5 Kajian perbandingan kemujaraban menggunakan Standard Malaysia atau protokol antarabangsa yang telah diterima untuk semua racun makhluk perosak bukan pertanian.
- 7.6 Maklumat mengenai kumpulan racun makhluk perosak dan cara bertindak.
- 7.7 Cadangan penggunaan dan syor dalam bentuk jadual.

Bab 8: Label Cadangan Mengikut Peraturan-Peraturan Racun Makhluk Perosak (Pelabelan) 1984

BAHAGIAN F: BUTIR-BUTIR MENGENAI STATUS RACUN MAKHLUK PEROSAK DI NEGARA-NEGARA LAIN

26. Butir-butir di mana racun makhluk perosak didaftarkan/dijual di negara lain: (sertakan bukti seperti label yang diluluskan, perakuan pendaftaran (diterjemahkan jika perlu) dsb. dan syarat-syarat kelulusan, jika ada)

(a) Negara:

(i) Tahun didaftarkan:

(ii) Nama dagangan:

(iii) Perumusan:

(iv) Penggunaan yang dibenarkan:

.....

(b) Negara:

(i) Tahun didaftarkan:

(ii) Nama dagangan:

(iii) Perumusan:

(iv) Penggunaan yang dibenarkan:

.....

27. Jika racun makhluk perosak ini belum lagi didaftarkan untuk digunakan atau dijual dalam mana-mana negara, nyatakan sama ada permohonan untuk mendapatkan kelulusan pendaftaran sedang dipertimbangkan di mana-mana negara:

(a) Negara:

(i) Status pendaftaran:

(ii) Nama dagangan:

(iii) Perumusan:

(iv) Cadangan penggunaan:

.....

(b) Negara:

(i) Status pendaftaran:

(ii) Nama dagangan:

(iii) Perumusan:

(iv) Cadangan penggunaan:

.....

28. Nyatakan jika pendaftaran racun makhluk perosak pernah ditolak atau dihadkan penggunaannya dalam mana-mana negara:

(a) Negara:

(i) Tarikh penolakan /pengehadan:*

(ii) Nyatakan butir-butir mengenai pengehadan:

(iii) Sebab penolakan/pengehadan:

.....

(b) Negara:

(i) Tarikh penolakan/pengehadan:*

(ii) Nyatakan butir-butir mengenai had yang dikenakan:

(iii) Sebab penolakan/pengehadan:

.....

BAHAGIAN G: PENGAKUAN

29. Saya/Kami* mengemukakan(g/l/tin/lingkaran/kepingan)* sampel racun makhluk perosak daripada setiap pengilang (seperti yang dinyatakan dalam Perkara 24) yang dipek dengan sesuai dan ditanda dengan jelas.

30. Saya/Kami* mengemukakan(g/ml)* piawaian cerakinan berserta dengan Perakuan Cerakinannya.

31. Saya/Kami* mengemukakan:

*satu salinan yang diperakui Perakuan Pemerbadanan yang dikeluarkan oleh Pendaftar Syarikat/Perakuan Pendaftaran yang dikeluarkan oleh Pendaftar Perniagaan/lesen perdagangan yang dikeluarkan di bawah Ordinan Perlesenan Perdagangan [*Sabah Bab 144*]/lesen perdagangan yang dikeluarkan di bawah Ordinan Perniagaan, Profesion dan Perdagangan [*Sarawak Bab 33*].

32. Saya/Kami* sertakan bersama-sama ini draf bank/kiriman wang /kiriman wang pos bernilai RM3,000.00 (Tiga ribu ringgit) sebagai bayaran permohonan, dibuat kena dibayar kepada KETUA PENGARAH PERTANIAN.

Saya/Kami*.....sebagai pemohon /wakil* yang dibenarkan oleh pemohon, dengan ini mengaku bahawa segala maklumat yang telah saya beri dalam permohonan ini adalah sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya benar dan betul.

Tandatangan pemohon atau
wakil yang dibenarkan,

.....
bagi dan bagi pihak:
(Capkan meterai atau cap pemohon)

Tarikh:

Alamat wakil yang dibenarkan:

.....
.....
.....

(* - potong mana-mana yang tidak berkenaan)

JADUAL

AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

KAEDAH-KAEDAH RACUN MAKHLUK PEROSAK (PENDAFTARAN) 2005

Borang B

(*Kaedah 5*)

PERAKUAN PENDAFTARAN RACUN MAKHLUK PEROSAK

Adalah dengan ini diperakui bahawa racun makhluk perosak yang butir-butirnya dinyatakan di bawah ini telah didaftarkan di bawah subseksyen 8(1) Akta Racun Makhluk Perosak 1974 [*Akta 149*] oleh Lembaga Racun Makhluk Perosak selama tempoh lima tahun, tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di bawah ini, dan telah diberikan nombor pendaftaran

BUTIR-BUTIR RACUN MAKHLUK PEROSAK

Pendaftar:

Nama Dagangan:

Perawis Aktif:

Kepekatan:

Perumusan:

Kelas:

Penggunaan:

Tempoh Sah:

SYARAT-SYARAT

Nama:	Nama:
Pengerusi,	Setiausaha,
Lembaga Racun	Lembaga Racun
Makhluk Perosak	Makhluk Perosak
Tarikh:	

AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

KAEDAH-KAEDAH RACUN MAKHLUK PEROSAK (PENDAFTARAN) 2005

Borang C

(Kaedah 5)

PERAKUAN PENDAFTARAN SEMULA RACUN MAKHLUK PEROSAK

Adalah dengan ini diperakui bahawa racun makhluk perosak yang butir-butirnya dinyatakan di bawah ini telah didaftarkan di bawah subseksyen 9(1) Akta Racun Makhluk Perosak 1974 [Akta 149] oleh Lembaga Racun Makhluk Perosak selama tempoh lima tahun, tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di bawah ini, dan telah diberikan nombor pendaftaran

BUTIR-BUTIR RACUN MAKHLUK PEROSAK

Pendaftar:
Nama Dagangan:
Perawis Aktif:
Kepekatan:
Perumusan:
Kelas:
Penggunaan:
Tempoh Sah:

SYARAT-SYARAT

Nama:	Nama:
Pengerusi,	Setiausaha,
Lembaga Racun	Lembaga Racun
Makhluk Perosak	Makhluk Perosak
Tarikh:	

Dibuat 3 Ogos 2005
[KP/LA/428/5; PN(PU²)275/XI]

TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia

PESTICIDES ACT 1974

PESTICIDES (REGISTRATION) RULES 2005

IN exercise of the powers conferred by paragraph 57(1)(a) of the Pesticides Act 1974 [*Act 149*], the Minister after consulting the Board, makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Pesticides (Registration) Rules 2005**.
- (2) These Rules come into operation on 18 August 2005.

Application for registration

2. (1) An application for registration or re-registration of a pesticide shall be made to the Board in Form A in the Schedule.
- (2) Separate application shall be made for different pesticides.
- (3) A body corporate that submit an application to the Board for registration or re-registration of a pesticide shall be a company incorporated under the Companies Act 1965 [*Act 125*].

Application fee

3. (1) The fee for an application for registration or re-registration of a pesticides under rule 2 is three thousand ringgit and payable upon making the application.
- (2) The application fee paid pursuant to subrule (1) is not refundable.

Registration fee

4. The fee for registration or re-registration of a pesticide is seven thousand ringgit and payable prior to the issuance of the certificate of registration.

Certificate of registration

5. A certificate of registration or re-registration of a pesticide shall be in Form B or C in the Schedule, respectively.

Revocation

6. Pesticides (Registration) Rules 1976 [*P.U. (A) 308/1976*] is revoked.

Saving provision

7. (1) For the purpose of these Rules, “appointed date” means the date mentioned under subrule 1(2).

(2) Subject to subrule (3), an application for certificate of registration or re-registration made before the appointed date but not determined by the Board before the appointed date shall, after the appointed date, be registered by the Board in accordance with the provisions under these Rules and be exempted from application fees.

(3) The fees prescribed for the certificate of registration or re-registration, where the registration or re-registration was made under the Pesticides (Registration) Rules 1976 before the appointed date but not registered by the Board before the appointed date shall, after the appointed date, continue to apply as if the Pesticides (Registration) Rules 1976 has not been revoked by these Rules.

(4) These Rules shall not affect any certificate for registration or re-registration issued under the Pesticides (Registration) Rules 1976.

SCHEDULE

PESTICIDES ACT 1974

PESTICIDES (REGISTRATION) RULES 2005

Form A

(Subrule 2(1))

APPLICATION FOR REGISTRATION/RE-REGISTRATION OF A PESTICIDE

(Eight copies to be completed)

PART A: PARTICULARS OF THE APPLICANT

1. Name of the company:

2. Address of the company:

3. Mailing address of the company:

4. Telephone number :5. Fax number:
6. E-mail address:
7. Name of authorized representative:
-

PART B: PARTICULARS OF THE PESTICIDE PRODUCT

8. Trade name:
9. Registration number (for re-registration):
10. State the category of the pesticide (tick one of the following boxes)
- Agriculture Household Public Health Industry
- Veterinary Manufacturing Other (specify):
11. Type of use (tick one or more of the following boxes)
- Herbicide Insecticide Fungicide Acaricide Nematicide
- Rodenticide Molluscicide Bactericide Fumigant Soil fumigant
- Miticide Preservative Repellant Termiticide
- Technical Material For Manufacturing Purposes Only
- Others (specify):

PART C: PARTICULARS OF THE BUSINESS ACTIVITY

12. State the main activity of the business (tick one or more of the following boxes)
- Importing Manufacturing
- Other (specify):
13. If the activity is manufacturing, indicate the activity intended to be carried out (tick one or more of the following boxes)
- Formulating Mixing Labeling/Re-labeling
- Packing/Re-packing Preparing Compounding
- Making Other (specify)
14. State the net contents of all packages of the product imported/manufactured (in metric units)
-
-

15. State the address(es) of the business(es):

- (a)
.....
- (b)
.....
- (c)
.....
- (d)
.....

16. State the name and address of the factories, buildings or premises at which the pesticide will be manufactured (applicable to a manufacturer only):

- (a)
.....
- (b)
.....
- (c)
.....
- (d)
.....

17. If the manufacturing activity is outsourced to others, state the name and address of business and factory of all the contract manufacturers (applicable to outsourcing manufacturing activity only):

- (a)
.....
- (b)
.....
- (c)
.....
- (d)
.....

18. State the name and address of buildings, premises or places at which the pesticide will be stored:

(a)

.....

(b)

.....

(c)

.....

(d)

.....

PART D: PARTICULARS OF THE ACTIVE INGREDIENT, INERT INGREDIENT, PERCENTAGE COMPOSITION AND FORMULATION

19. Common name (active ingredient):

.....

.....

20. Code name (active ingredient):

